



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KENYATAAN MEDIA

UCAPAN TAKZIAH BUAT KELUARGA MENDIANG WAH HAN KEONG YANG TERLIBAT DALAM KEMALANGAN TRAGIS DI KUALA TERENGGANU BARU-BARU INI

PUTRAJAYA, 23 Mei 2026 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ingin merakamkan ucapan takziah buat Encik Wah Tee Tun dan keluarga atas pemergian anak sulung mereka, mendiang Wah Han Keong, 18 yang terlibat dalam satu kemalangan tragis di Kuala Terengganu seperti yang dilaporkan oleh media tempatan baru-baru ini.

Menerusi hasil semakan yang dibuat, Jabatan ini ingin mengesahkan bahawa mendiang telah ditawarkan tempat bagi mengikuti pengajian dalam program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu bagi Sesi Akademik 2026/2027.

Pihak Jabatan menghargai atas kecenderungan dan pilihan serta sokongan ahli keluarga untuk mendiang melanjutkan pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khususnya di politeknik. Pemergian mendiang merupakan satu kehilangan besar bagi industri bakat teknikal negara.

Pihak Jabatan berharap agar ahli keluarga mendiang sentiasa diberikan kekuatan, kesabaran serta ketabahan yang tinggi dalam mengharungi dugaan yang amat berat ini.

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
23 MEI 2026